



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tarikh: 25 Oktober 2019

Tawaran Sebut Harga dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Syarikat hendaklah mengemukakan sijil pendaftaran yang masih sah tempoh.

BUTIRAN TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	TARIKH / TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TUTUP
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI PEJABAT PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) BAGI TEMPOH 24 BULAN NO. SEBUT HARGA: RAC/B/17/2019	Status: BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA Pecahan Kepala Kod Bidang MOF: 221001	RM50.00 / naskhah (Tidak akan dikembalikan) Tunai / Wang Pos / Bank Draf atas nama PERBADANAN ASET KERETAPI	29 Oktober 2019 sehingga 31 Oktober 2019 Masa: 9.30 pagi – 4.30 petang Tempat: Aras G, Blok B, Perbadanan Aset Keretapi.	1 November 2019 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari *Sebut harga yang lewat tidak akan diterima.

Dokumen sebut harga boleh diperoleh dengan mengemukakan **satu (1) salinan Sijil Salinan Sijil Pendaftaran Kod Bidang, Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**. Salinan tersebut tidak akan dikembalikan. Bagi syarikat yang menghantar wakil, surat pengesahan sebagai wakil syarikat adalah diperlukan.

Dokumen sebut harga hanya akan diedarkan kepada penyebut harga yang layak sahaja. Perbadanan ini adalah tidak terikat untuk menerima tawaran harga terendah atau sebarang tawaran berkaitan sebut harga ini. Penyebut harga hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan sebut harga ini.

Cadangan Tawaran Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang berlakri** dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga di penjurong kiri sebelah atas sampul** serta dikemukakan sebelum atau pada **1 November 2019 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari** kepada alamat seperti berikut:

**PENGURUS BESAR
PERBADANAN ASET KERETAPI
NO.29G, JALAN TKS 1
KAJANG SENTRAL BUSINESS PARK
43000 KAJANG, SELANGOR**

Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga di atas boleh diajukan kepada Unit Perolehan, RAC di talian 03 – 8733 2020. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.